



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI INOVASI 2022 MENDUKUNG HASRAT KPKT KE ARAH PEMBANGUNAN LESTARI

PUTRAJAYA, 20 Oktober 2022 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus menyemarakkan budaya kreativiti dan inovasi menerusi Sambutan Hari Inovasi KPKT Tahun 2022 yang berlangsung di Dewan Kristal, KPKT petang ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir ialah YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha serta barisan pengurusan tertinggi KPKT.

Penganjuran Hari Inovasi terus menjadi antara agenda penting KPKT bagi mengiktiraf usaha, idea, kreativiti dan inovasi warga KPKT dalam menambah baik keberkesanan penyampaian perkhidmatan melalui penghasilan projek-projek inovasi yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Bertemakan 'Anjakan Inovasi Ke Arah Pembangunan Lestari', KPKT komited untuk menggalakkan penyelidikan, pemfailan harta intelek dan pengkomersialan bagi projek-projek inovasi di bawah Kementerian yang berpotensi tinggi. Majlis hari ini turut menyaksikan paparan klip montaj Sistem *Smart Evacuation Plan* (S.E.P) oleh YB Menteri KPKT. Sistem S.E.P ini dibangunkan oleh Kumpulan *One Step* daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertujuan menyediakan panduan laluan keluar bangunan secara kreatif, inovatif serta efektif.

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, "KPKT sentiasa menggalakkan amalan kreatif dan berinovasi sebagai usaha pendayaupayaan penghasilan pelbagai output atau perkhidmatan yang lebih berdaya saing. Penganjuran majlis sambutan Hari Inovasi di peringkat Kementerian merupakan komitmen KPKT dalam memperkasakan dan membudayakan warga kerja KPKT untuk sentiasa terbuka dan kreatif dalam menghasilkan inovasi yang akhirnya memberi impak besar dari sudut *service delivery* kita kepada rakyat."

Sambutan Hari Inovasi KPKT pada tahun ini memperlihatkan penyertaan yang menggalakkan bagi Kategori Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Anugerah Inovasi Menteri (AIM) iaitu sebanyak 24 kumpulan. Sebanyak tujuh (7) kategori yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM40,000.00 telah dipertandingkan sempena Sambutan Hari Inovasi KPKT Tahun 2022 iaitu :

- i. Anugerah Inovasi Menteri (AIM);
- ii. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK);
- iii. Anugerah Persembahan Terbaik KIK;
- iv. Anugerah Pameran Terbaik KIK;
- v. Anugerah Khas Inovasi;
- vi. Anugerah Keceriaan Hiasan Merdeka (Kategori Jabatan); dan
- vii. Anugerah Keceriaan Hiasan Merdeka (Kategori Bahagian/Unit).

Johan pertandingan di bawah kategori Anugerah Inovasi Menteri (AIM) akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM5,000 berserta piala dan sijil penyertaan. Di samping itu, pemenang juga akan turut menerima geran pra pendaftaran harta intelek dan paten projek bernilai RM20,000 bagi menyokong usaha ke arah mentransformasikan sektor awam untuk menjadi lebih kompeten dan kompetitif menerusi Dasar Harta Intelek Negara.

Penganjuran Konvensyen KIK dan Sambutan Hari Inovasi KPKT bagi tahun 2022 ini diharapkan dapat memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti secara meluas dalam kalangan warga KPKT. Inovasi yang signifikan berupaya memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan organisasi. Seterusnya meningkatkan penyampaian perkhidmatan KPKT melalui pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

